MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS,
JOHOR DARUL TA'ZIM.

SENARAI SEMAKAN

1.	Borang Tawaran Sebut Harga telah diisi, dicop syarikat dan ditandatangani	☐
2.	Jadual Kadar Harga/BQ telah diisi, dicop syarikat dan ditandatangani	☐
3.	Salinan Sijil SKK terbaru telah disertakan	☐
4.	Salinan Sijil SPKK terbaru telah disertakan	☐
5.	Salinan Sijil STB terbaru telah disertakan	☐
*6.	Profail Syarikat hendaklah dikemukakan	☐
*7.	Penyata Bank (Bank Statement) bagi 3 bulan **(September 2026, Ogos 2026, Julai 2026 - Bagi Kerja G2 Ke Atas)** berturut-turut yang disahkan oleh pihak Bank (Asal) disertakan	☐
8.	Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate (TCC))	☐
9.	Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST 6%) – Jika ada	☐
10.	Mengembalikan semua lampiran di dalam Dokumen Sebutharga ke Peti Tawaran	☐

(tandakan _/ pada butiran yang telah dilengkapkan)

Saya/Kami dengan ini mengakui segala butiran sebagaimana di atas telah disempurnakan dan sekiranya tidak lengkap, pihak pentadbiran berhak menolak tawaran tender ini.

Tandatangan :
Nama :
Alamat :

Cop Kontraktor

*Dokumen yang berkenaan hendaklah dilampirkan bersama dengan Borang Tender.

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAKAN
(KERJA)

Sila tandakan [/] Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1.	Salinan Sijil Kontraktor Kerja Dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan	☐	☐
2.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (Kerja)	☐	☐
3.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB	☐	☐
4.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	☐	☐
5.	Borang Maklumat Penyebut Harga	☐	☐
6.	Pematuhan Kepada Spesifikasi	☐	☐
7.	Profail Syarikat	☐	☐
8.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	☐	☐
9.	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)	☐	☐
10.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	☐	☐
11.	Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir **(September 2026, Ogos 2026, Julai 2026 - Bagi Kerja G2 Ke Atas)** yang disahkan oleh pihak Bank (Asal)	☐	☐
12.	Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*)	☐	☐
13	Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST 6%) – Jika ada	☐	☐
	Lain-lain Sekiranya Ada	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada). Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :

(SPP Bil. 10 Tahun 2010)
Lampiran F

MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS, JOHOR DARUL TA'ZIM.

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

.....

.....
(MDL/21/2026/BP.1/S)

Saya, ... nombor K.P. .....

yang mewakili ..... nombor pendaftaran

..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya

atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Daerah Labis atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Daerah Labis atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

1. KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

MAJLIS DAERAH LABIS
KENYATAAN TAWARAN BIL 7/2026

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA yang dinyatakan dan berdaftar dengan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) di bawah tajuk/kod bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BIL	RUJUKAN FAIL	JENIS KERJA & BILANGAN TAWARAN	GRED, KATEGORI, PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	MDL/PR/2427/BP.1 (SEN.8)/2026	MENAIK TARAF GERAI DI PUSAT PENJAJA JALAN SULTAN, CHAAH, MD LABIS MDL/21/2026/BP.1/S	GRED G3 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21	RM50.00	3 NOVEMBER 2026 (SELASA) HINGGA 11 NOVEMBER 2026 (RABU)	11 NOVEMBER 2026 (RABU) Jam : Sebelum atau pada 12.00 tengahari

2. Dokumen tawaran boleh didapati pada hari dan waktu seperti berikut :

Hari	Waktu
Isnin hingga Jumaat (Kecuali cuti umum)	8.00 pagi hingga 3.30 petang 1.00 tengahari – 2.00 petang (rehat Isnin hingga Khamis) 12.15 tengahari – 2.45 petang (rehat Jumaat)

di kaunter Pejabat Majlis Daerah Labis dengan nilai bayaran seperti di atas dalam bentuk draf bank/kiriman wang pos (money order)/wang kiriman pos berpalang (postal order) atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Labis. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh itu. Dokumen Sebutharga boleh didapati di laman web www.mdlabis.gov.my dan cetakan Dokumen Sebutharga akan dibuat sendiri oleh kontraktor.

3. Kontraktor-kontraktor yang berminat memasuki sebutharga adalah dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan daripada CIDB, Sijil Taraf Bumiputera daripada PKK**, **Sijil Pendaftaran SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia)** yang **ASAL, Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST 6%) (TCC) serta Sijil Johor Central For Construction Development (JCCD) yang masih sah** dan **Kad Pengenalan Pemilik**. **Hanya pemilik sah** yang didaftarkan **di dalam SSM sahaja** dibenarkan untuk berurusan dan membeli dokumen tawaran sebutharga. Pemilik sah **TIDAK DIBENARKAN** menghantar wakil samada menggunakan surat wakil atau surat kuasa untuk urusan ini.

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** serta dinyatakan tajuk sebutharga yang berkenaan di atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di **Pejabat Majlis Daerah Labis, 85300 Labis**, sebelum atau pada **tarikh dan waktu** sepertimana ketetapan di jadual Kenyataan Tawaran di atas.

(MOHD FAIRUL BIN SURIAN)
YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH LABIS

2. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :-

(a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,

(b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,

(c) Senarai Kerja Dalam Tangan,

(d) Jadual Kadar Harga (jika ada),

(e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

(a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga.....serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

(b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

(c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

\+ Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

2.3 **Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA*

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi.....minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA+

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga **RM50.00** (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

\+ Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

3. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejas sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksana Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9 (d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kerosakan semasa pelaksanaan kerja ini tidak akan dipertimbangkan dan kontraktor perlu menanggung sendiri.

*3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh :

(i) Suruhanjaya Tenaga
(ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
(iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
(iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
(v) Pihak Berkuasa Tempatan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempuranya.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :

(a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;

(b) Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

(c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

(d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan

(e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan kerja. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.

12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempuranya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja

disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. **PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. **PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

4. BORANG TAWARAN SEBUT HARGA

MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS,
JOHOR DARUL TA'ZIM.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil :.....

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH LABIS,
85300 LABIS.

Tuan,

Sebut harga untuk .....

.....

.....

.....

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga. Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia :.....
(RM.....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa .....minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden. Sekiranya kelewatan berkenaan disebabkan oleh kecuaian saya, maka saya bersetuju dikenakan denda mengikut formula **PERATUSAN LAD : PR SETAHUN / 365 hari x Nilai Projek** bagi satu hari kelewatan.

Bertarikh pada .....haribulan.....2026

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

.....

.....

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

.....

.....

Atas Sifat :.....

.....
Meteri atau Cop Kontraktor

5. RINGKASAN TAWARAN SEBUT HARGA

TAWARAN SPEK ANGGARAN KERJA

MENAIK TARAF GERAI DI PUSAT PENJAJA JALAN SULTAN, CHAAH, MD LABIS

BIL		BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
1		**KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT AM**				
	1.1	Insuran Perlindungan untuk kemalangan dan hartabenda, Akta Keselamatan Sosial, Insuran Kerja (Works)	PUKAL	-	PUKAL	
	1.2	Papan Tanda Sementara dan Keselamatan Lalulintas, termasuk kerja-kerja menyediakan jalan sementara (access road) lengkap dengan papan tanda keselamatan bagi melancarkan kerja naiktaraf dan membaiki segera jika jalan tersebut terdapat kerosakan selepas kerja siap di tapak.	PUKAL	-	PUKAL	
	1.3	Foto Kemajuan Kerja, (Sebelum, Semasa dan Selepas) di lokasi yang sama dalam bentuk 'softcopy' dan 'hardcopy' menggunakan kertas jenis 'glossy paper'.	NOS	2		
	1.4	Kerja menyediakan segala keperluan untuk pembersihan tapak bina, termasuk kerja memecah, meroboh, membuang sisa binaan serta slab konkrit sedia ada di kawasan yang terlibat dengan kerja-kerja naik taraf, mengangkut dan melupuskan sisa binaan ke tempat pelupusan yang dibenarkan, serta mencuci dan membersihkan kawasan tapak sebelum kerja dimulakan dan selepas kerja siap. Kerja termasuk baikpulih struktur tembok, pagar, tangga, mainhole atau dinding bangunan yang rosak atau roboh semasa termasuk melepa semula simen, termasuk kerja pengalihan utilities (TNB, SAJ, TM, Pili Bomba) semasa kerja naiktaraf bangunan dijalankan dan berkaitan sebagaimana arahan P.P.	PUKAL	-		
	1.5	Kerja-kerja membekal dan memasang pagar penghadang sementara (hoarding) dengan saiz 100m (panjang) dan 1.8m (tinggi) dari jenis metal deck dan kerangka dari jenis kayu dengan saiz 75mm x 75mm (3"x3") dan lain-lain aksesori untuk melengkapkan pemasangan pagar penghadang tersebut.	M	100		
	1.6	Kerja menyediakan bekalan khemah sementara bersaiz 20'x20' lengkap dengan 'canopy sidewall' khemah, bekalan elektrik (kipas siling-1, lampu-4, plugpoint-2) dan bekalan air (sinki portable-1, pili air-1).	NOS	21		
	1.7	Kerja menyediakan pelan kerja ukur dan pelan bangunan (As Built drawing) dengan mengambilkira semua butiran di tapak seperti pagar, jalan, longkang, outlet, inlet dan sebagainya dalam bentuk hardcopy (A3-2 set) dan softcopy (pendrive).	NOS	1		
JUMLAH (ITEM 1)						

BIL		BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
2		**KERJA KERANGKA DAN BUMBUNG**				
	2.1	Kerja membuka dan membuang keluar keseluruhan struktur kerangka, kepingan bumbung sediada, awning, segala komponen, termasuk slab konkrit sehingga ke aras yang ditetapkan, termasuk kerja memotong, memecah dan mengeluarkan konkrit serta tetulang keluli jika berkaitan sehingga bersih dan sedia untuk pemasangan kerangka dan kepingan bumbung baru.	M2	1478.61		
	2.2	Kerja membekal bahan, alatan dan tenaga kerja untuk mereka bentuk dan memasang sistem kerangka bumbung kekuda keluli ringan (*Lightweight Steel Roof Truss*) baharu daripada jenis keluli gred tinggi G550 bersalut resin biru (*Aluzinc Blue/Truecore*), merangkumi profil *C-Channel* (min. 0.75mm) dan *Batten* (min. 0.45mm), diikat menggunakan skru kalis korosi, termasuk penyediaan perancah (*scaffolding*), dan memasang bumbung dek logam (flat roof) G28, aksesori berkaitan sehingga siap sempurna sebagaimana arahan P.P	M2	1805		
3		**KERJA SILING**				
	3.1	Kerja membuka, membekal dan memasang 8mm tebal kepingan pvc ceiling strip dipasang pada struktur sediada termasuk tee terdedah aluminium beranod semulajadi digantung termasuk dawai penyangkut besi tergalvani tolok 14 digantung dari gulung-gulung bumbung atau dengan eyelet pins dari struktur termasuk aksesori berkaitan.	M2	349.74		
	3.2	Kerja membuka, membekal dan memasang 12mm siling akustik gentian mineral termasuk 'tee' terdedah aluminium beranod semulajadi dalam grid 600mm x 1200mm, digantung termasuk dawai penyangkut besi bergalvani tolok 14, digantung pada gulung-gulung bumbung.	M2	1113.21		
4		**KERJA SALUR HUJAN**				
	4.1	Kerja membekal dan memasang 150mm diameter talang cucur atap UPVC separuh bulatan mengikut MS1063 disambung dengan bolt dan sebatian simen (solvent cement) termasuk pendakap pada jarak 900mm dari p/p	M	79.8		
	4.2	Kerja membekal dan memasang 150mm diameter salur tegak air hujan UPVC mengikut MS1063 dengan sambungan soket dan dipasang pada dinding dengan bolt dan pendakap	M	13.2		
5		**KERJA 'SUN LOUVERS'**				
	5.1	Kerja membekal dan memasang 'sun louvers' jenis aluminium atau bahan setara yang diluluskan pada bahagian kiri dan kanan bangunan, rangka sokongan keluli, pemegang, pengikat, kemasan, kerja kemasan dan aksesori berkaitan.	m2	47.88		
JUMLAH (ITEM 2 + ITEM 3 + ITEM 4 + ITEM 5)						

BIL		BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
6		**KERJA MENAIKTARAF BANGUNAN GERAI**				
	6.1	Kerja membuka dan membuang jubin lantai sedia ada termasuk lapisan pelekat atau mortar di bawahnya, dengan cermat tanpa merosakkan permukaan asas konkrit yang dikekalkan, membersihkan permukaan lantai sediada.	m2	1504.71		
	6.2	Kerja membekal dan memasang jubin lantai dan dinding dari jenis porselin atau seramik, saiz, warna dan corak mengikut pilihan serta kelulusan Pegawai Penguasa (P.P.), termasuk penyediaan permukaan, bahan pelekat jubin yang bersesuaian, pemotongan dan pemasangan jubin, bahan pengisi nat (grout), kemasan tepi, kerja meratakan permukaan serta segala bahan, tenaga kerja dan aksesori berkaitan sehingga siap dengan kemas dan sempurna.	m2	1504.71		
	6.3	Kerja membuang keseluruhan kemasan jubin table top sediada termasuk membaiki dan meratakan permukaan konkrit yang rosak, serta membekal dan memasang jubin baru jenis homogeneous size 600mm x 600mm, tiles adhesive, waterproof grouting, tile trim dan pemotongan jubin dan kemasan di sekeliling sinki baru.	m2	51		
	6.4	Kerja membuka, membekal dan memasang sinki jenis dua mangkuk keluli tahan karat (*Stainless Steel Double Bowl Sink*), lengkap dengan paip angsa (*gooseneck tap*), sistem perangkap air (*bottle trap*), hos saliran keluar, kerja-kerja menebuk lubang pada kemasan *table top* , kemasan silikon kalis air di sekeliling perimeter sinki sehingga berfungsi.	nos	21		
7		**KERJA 'FIBERGLASS DINING TABLE'**				
	7.1	Kerja membuka, membekal dan memasang set kerusi meja makan di setiap unit gerai (1 gerai 4 set) termasuk kerja berkaitan sebagaimana arahan P.P : a) Table top size 24 x 48 inch b) Bench top size 12 x 48 inch c) A-Frame (2 x 2) 1.6mm thickness	NOS	84		
8		**KERJA PAPAN TANDA**				
	8.1	Kerja membekal dan memasang papan tanda nama "GERAI PUSAT PENJAJA JALAN SULTAN, CHAAH" menggunakan huruf jenis berasingan satu per satu (individual lettering), diperbuat daripada bahan akrilik atau logam bersesuaian, berwarna hitam, dengan kemasan kemas dan tahan cuaca. Huruf dan logo hendaklah dipasang pada permukaan segitiga hadapan bangunan yang dilapisi strip siling, lengkap dengan rangka atau sistem sokongan, aksesori pemasangan, templat kedudukan huruf bagi memastikan pemasangan kukuh, lurus dan kemas mengikut rekabentuk diluluskan P.P. Logo rasmi MDL dipasang asing pada kedudukan yang ditetapkan.	NOS	1		
JUMLAH (ITEM 6 + ITEM 7 + ITEM 8)						

BIL		BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
9		**KERJA PERPARITAN**				
	9.1	Kerja membuka, membekal dan memasang longkang konkrit jenis half drain berukuran 300mm (12"), lengkap dengan kerja-kerja penyediaan tapak, pemasangan, sambungan dan kemasan serta segala kerja berkaitan.	M	149		
	9.2	Kerja membuka, membekal dan memasang longkang konkrit jenis V-Shape berukuran 450mm, termasuk kerja penyediaan tapak, penyambungan, kemasan dan segala kerja berkaitan	M	141		
	9.3	Kerja membina tembok batu-bata dengan ketebalan 225mm hingga ke paras ketinggian yang akan ditentukan P.P di kiri dan kanan parit sediada beserta sistem perpaipan air keluar.	M2	56.4		
	9.4	Kerja membaikpulih takungan batu-bata 1M x 1M / saiz yang bersesuai dengan keadaan di tapak, siap dilepa licin lengkap dengan m.s grating dengan saiz besi Y16 satu bukaan.	NOS	6		
	9.5	Kerja membekal dan memasang 50mm tebal penutup precast konkrit cover heavy duty sepertimana P.P atau wakilnya.	M2	36		
10		**KERJA PINTU, TINGKAP DAN ROLLER-SHUTTER**				
	10.1	Kerja membuka, membekal dan memasang pintu solid door lengkap dengan bingkai pintu, engsel, kunci, door handle dan segala aksesori dan kerja lain yang berkaitan.	nos	42		
	10.2	Kerja membuka, membekal dan memasang pintu aluminium lengkap dengan bingkai aluminium, engsel, kunci, door handle dan segala aksesori dan kerja lain yang berkaitan.	nos	6		
	10.3	Kerja membuka, membekal dan memasang tingkap kaca 3 panel lengkap dengan bingkai aluminium dan aksesori dan kerja lain yang berkaitan.	m2	47.25		
	10.4	Kerja membuka, membekal dan memasang tingkap top hung lengkap dengan bingkai aluminium, kaca, aksesori dan kerja lain yang berkaitan.	m2	1.8		
	10.5	Kerja membuka, membekal dan memasang roller shutter door jenis manual lengkap dengan curtain, guide rail, bottom rail, lock, casing, segala aksesori dan kerja lain yang berkaitan.	m2	47.25		
	10.6	Kerja membuka, membekal dan memasang grill pada pintu dan tingkap lengkap dengan rangka, kunci dan aksesori dan kerja lain yang berkaitan.	m2	128.43		
JUMLAH (ITEM 9 + ITEM 10)						

BIL		BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
11		**KERJA GREASE TRAP**				
	11.1	Kerja penyelenggaraan grease trap sediada, membuka penutup, mengeluarkan dan membersihkan sisa minyak serta lemak, membersihkan bakul penapis, ruang takungan, memeriksa keadaan komponen dan sambungan paip, memasang semula penutup serta mangga (kunci), dan menjalankan ujian aliran air bagi memastikan sistem berfungsi dengan baik termasuk kerja lain yang berkaitan.	NOS	21		
12		**KERJA MENGECAT**				
	12.1	Kerja mengikis cat kapur lama, distempler lama dan sebagainya dari permukaan yang dilepa, basuh dan membaiki semua retak dan permukaan lain yang cacat.	M2	1870		
	12.2	Kerja menyapu 2 lapis cat emulsi pada keseluruhan permukaan dinding serta kerja-kerja berkaitan.	M2	1870		
	12.3	Kerja menyapu 2 lapis cat rintangan cuaca pada keseluruhan permukaan dinding serta kerja-kerja berkaitan.	M2	1870		
13		**KERJA BEKALAN AIR (RANHILL)**				
	13.1	Kerja membuat pemeriksaan, membuka dan mengalihkan paip bekalan air sedia ada yang tertanam di dalam dinding serta memasang semula paip secara terdedah di permukaan dinding (exposed pipe installation) dengan susunan yang kemas dan mudah diselenggara, termasuk membekal dan memasang paip, penyambung, injap, klip sokongan, aksesori berkaitan serta kemasan warna hitam yang bersesuaian. Termasuk kerja pemeriksaan dan baik pulih paip kumbahan, sambungan serta tangki septik sedia ada, kerja pembersihan, pembaikan kebocoran, penyambungan semula dan ujian fungsi sistem sehingga berfungsi dengan sempurna dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan P.P.	PUKAL	-	PUKAL	
14		**KERJA BEKALAN ELEKTRIK (TNB)**				
	14.1	Kerja membuat pemeriksaan, membuka dan mengalihkan pendawaian elektrik sedia ada yang tertanam di dalam dinding serta memasang semula pendawaian secara terdedah (exposed wiring) menggunakan konduit PVC atau trunking yang bersesuaian dan dipasang kemas pada permukaan dinding atau siling. Kerja termasuk membekal dan memasang kabel elektrik, konduit atau trunking, kotak sambungan, suis, soket alir keluar, aksesori dan kelengkapan berkaitan; pemeriksaan serta baik pulih papan agihan elektrik (DB), pemutus litar dan sistem pembumian sedia ada; serta menjalankan ujian dan pengesahan keselamatan elektrik oleh orang kompeten yang berkelayakan, mengemas semula, pelabelan litar dan segala kerja berkaitan sehingga berfungsi dengan selamat mengikut piawaian dan arahan P.P.	PUKAL	-	PUKAL	
JUMLAH (ITEM 11 + ITEM 12 + ITEM 13 + ITEM 14)						

BIL		BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
15		**KERJA-KERJA PERPAIPAN**				
	15.1	Kerja membekal dan memasang sinki jenis seramik putih dengan alat pembersihan, palam, rantai dan umbang dan sepasang pendakap termasuk satu pili 12mm C.P, satu salur keluar 32mm C.P, saluran paip buangan dan kerja berkaitan.	NOS	14		
	15.2	Kerja membuka, membekal dan memasang tangki air jenis keluli tahan karat Gred SUS304 berkapasiti 600 gelen (±2,700 liter) di ruang ceruk bumbung bangunan tandas, termasuk membina slab konkrit bertetulang sebagai tapak tangki, kerja acuan, tetulang keluli, konkrit, sistem kalis air, pembentukan cerun dan saliran air, serta kerja berkaitan. Termasuk kerja penyediaan ruang pemasangan dan kemasan sambungan bumbung di sekeliling ruang tangki bagi mengelakkan kebocoran sehingga siap sempurna mengikut arahan P.P.	NOS	1		
	15.3	Kerja membuka, membekal dan memasang tandas cangkung lengkap dengan sepasang pepijak, perangkap, tangki pembersihan tinggi atau rendah serta pendakap dan paip curahan termasuk membuat lubang di lantai konkrit, melitup perangkap dengan konkrit dan membaiki kerja yang rosak.	NOS	4		
	15.4	Kerja membuka, membekal dan memasang tandas duduk lengkap lapik duduk, perangkap, tangki pembersihan tinggi atau rendah serta pendakap dan paip curahan termasuk membuat lubang di lantai konkrit, melitup perangkap dengan konkrit dan membaiki kerja yang rosak.	NOS	2		
	15.5	Kerja membekal dan memasang pili jenis dua hala daripada keluli tahan karat (stainless steel two way bidet with tap) lengkap dengan aksesori sambungan.	NOS	6		
	15.6	Kerja membekal dan memasang penyidai tuala keluli tahan karat (stainless steel) sepanjang 600mm lengkap dengan aksesori pemasangan.	NOS	6		
	15.7	Kerja membuka, membekal dan memasang cermin muka jenis kaca cermin berkualiti, berukuran anggaran 600 mm × 450 mm, lengkap dengan bingkai atau aksesori pemasangan dan pengikat yang sesuai.	NOS	4		
	15.8	Kerja membekal dan memasang pemegang gulungan kertas tandas jenis tahan karat (stainless steel) lengkap dengan aksesori pemasangan.	NOS	6		
	15.90	Kerja membekal dan memasang perangkap lantai keluli tahan karat (stainless steel floor trap) bersaiz 100mm dengan penutup jeriji 150mm x 150mm atau bersesuaian, termasuk sambungan ke paip buangan dan kerja berkaitan.	NOS	29		
JUMLAH (ITEM 15)						

BIL		BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
16		**KERJA-KERJA ELEKTRIKAL**				
	16.1	Kerja membuka kipas siling sedia ada, membekal serta memasang kipas siling baharu jenis bersirim/setara, lengkap dengan pendakap, aksesori pemasangan dan kerja berkaitan.	NOS	42		
	16.2	Kerja membuka kipas dinding sedia ada, membekal serta memasang kipas dinding industri bersaiz 26 inci, lengkap dengan pendakap, aksesori pemasangan dan kerja berkaitan.	NOS	36		
	16.3	Kerja membuka lampu sediada, membekal dan memasang lampu LED batten 1200mm, 18W /setara, lengkap dengan perumah, diffuser, pemacu LED, pendawaian, aksesori pemasangan. Lampu dipasang pada bahagian tengah bangunan mengikut bentuk dan ketinggian siling gantung yang mengikuti profil bumbung sehingga berfungsi.	NOS	135		
	16.4	Kerja membuka lampu sediada, membekal dan memasang lampu LED jenis batten sepanjang 600 mm, lengkap dengan perumah, diffuser, aksesori pemasangan dan kerja berkaitan.	NOS	6		
17		**KERJA NAIKTARAF KAWASAN PARKING**				
	17.1	Kerja membekal dan memasang fixed metal bollard jenis surface mounted, berdiameter 114 mm dan tinggi 750–1,000 mm, diperbuat daripada keluli lembut, lengkap dengan plat tapak, bolt penambat, cat antikarat, kemasan kuning-hitam dan pelekat reflektif serta segala aksesori pemasangan sehingga siap sempurna mengikut arahan P.P.	NOS	4		
	17.2	Kerja membekal dan memasang susur jalan 100mm x 300mm tinggi susur jalan dari konkrit pratuang (Gred C20/25) dengan satu permukaan condong dan panjang yang sesuai, termasuk tapak konkrit (Gred C20/25) 375mm lebar x 50mm tebal diperkukuhkan di hadapan dan di belakang dengan konkrit serta kerja mengecat.	M	45.9		
	17.3	Kerja menghampar, meratakan, dan membentuk kecerunan batu crusher run setebal 150mm ketebalan padat (compacted thickness) menggunakan jentera pemunggah (*backhoe*) , termasuk menyembur air secara terkawal (*moisture control*).	M2	179		
	17.4	Kerja membekal dan menghampar premix wearing course setebal 50mm termasuk satu lapisan bitumen cair (Tack Coat) disembur pada kadar 2liter/meter persegi dan dimampatkan dengan mesin penggelek 6-8 tan.	M2	1365		
	17.5	Kerja ujian ketebalan bitumen oleh JKR atau yang setaraf dengannya sebanyak lubang yang akan ditentukan oleh P.P.	NOS	3		
	17.6	Kerja menyediakan dan menyapu cat garisan jalan jenis 'reflective thermoplastic' seperti yang ditentukan di atas permukaan jalan premix dan lapangan parking kereta/motor.	M2	56		
JUMLAH (ITEM 16 + ITEM 17)						
JUMLAH KESELURUHAN						

MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS
JOHOR DARUL TA'ZIM

RINGKASAN SEBUTHARGA

BIL	BUTIRAN TAWARAN	JUMLAH (RM)
1	KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT AM	
2	KERJA KERANGKA DAN BUMBUNG	
3	KERJA SILING	
4	KERJA SALUR HUJAN	
5	KERJA 'SUN LOUVERS'	
6	KERJA MENAIKTARAF BANGUNAN GERAI	
7	KERJA 'FIBERGLASS DINING TABLE'	
8	KERJA PAPAN TANDA	
9	KERJA PERPARITAN	
10	KERJA PINTU, TINGKAP DAN ROLLER-SHUTTER	
11	KERJA GREASE TRAP	
12	KERJA MENGECAT	
13	KERJA BEKALAN AIR (RANHILL)	
14	KERJA BEKALAN ELEKTRIK (TNB)	
15	KERJA-KERJA PERPAIPAN	
16	KERJA-KERJA ELEKTRIKAL	
17	KERJA NAIKTARAF KAWASAN PARKING	
JUMLAH KESELURUHAN		

(RINGGIT MALAYSIA : .....)

.....)

TEMPOH PENYIAPAN : ..... MINGGU

.....

TANDATANGAN DAN COP KONTRAKTOR

NAMA : .....

NO. K/P : .....

ALAMAT : .....

.....

.....

NO. TELEFON : .....

TARIKH : .....

.....

TANDATANGAN SAKSI

NAMA : .....

NO. K/P : .....

ALAMAT : .....

.....

.....

NO. TEELFON : .....

TARIKH : .....

6. SENARAI KERJA YANG SEDANG DILAKSANAKAN

SENARAI KERJA-KERJA YANG SEDANG DILAKSANAKAN

NAMA PROJEK	AGENSI YANG MENGAWASI	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH (NYATAKAN TARIKH MULA, TARIKH JANGKA SIAP & BILANGAN MINGGU)	PERATUS KEMAJUAN SEMASA (NYATAKAN JUGA TARIKH)	PERATUS KEMAJUAN SEPATUTNYA	ULASAN S.O.

*Sila catatkan juga nama pegawai yang mengawasi projek dan nombor telefon untuk dihubungi

7. SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

SENARAI SEPULUH (10) KERJA-KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

NAMA PROJEK	AGENSI YANG MENGAWASI PROJEK	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK			TARIKH SEBENAR SIAP
			TARIKH MULA	TARIKH SIAP	BIL MINGGU	

*Sila catatkan juga nama pegawai yang mengawasi projek dan nombor telefon untuk dihubungi